



## JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

### **KENYATAAN MEDIA (23 DISEMBER 2020)**

#### **1. LAPORAN HARIAN**

Hari ini **empat (4) kes** positif COVID-19 dikesan di Daerah Kuching (2), Tebedu (1) dan Miri (1). Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak **meningkat kepada 1,094 kes.**

#### **A. Kes Baharu COVID-19**

##### **i. Daerah Miri: Saringan Individu Balik dari Kawasan Berisiko Tinggi Jangkitan COVID-19 iaitu Kuala Lumpur (1 Kes Baharu Import-B)**

**Kes 1,091** merupakan seorang lelaki warga tempatan (Sarawak) yang telah menjalani saringan COVID-19 sebagai individu yang baru balik dari kawasan berisiko tinggi jangkitan COVID-19 iaitu dari Kuala Lumpur. Kes telah masuk ke Sarawak melalui Lapangan Terbang Miri pada 18 Disember 2020.

Kes telah diarahkan untuk menjalani kuarantin wajib di pusat kuarantin di bandar Miri. Kes telah menjalani saringan COVID-19 pada 20 Disember 2020 dan keputusan ujian adalah positif. Kes mengalami gejala demam. Kes telah dirujuk dan dimasukkan ke Hospital Miri untuk rawatan lanjut.

Pengesanan kontak kepada kes ini sedang giat dijalankan dan kes ini dikategorikan sebagai kes Import-B iaitu mendapat jangkitan semasa berada di kawasan berisiko tinggi jangkitan COVID-19.

## **ii. Daerah Tebedu: Saringan Tangkapan Pendatang Tanpa Izin (1 Kes Baharu Import-A)**

**Kes 1,092** merupakan seorang perempuan warganegara Indonesia yang menjalani saringan COVID-19 selepas ditahan oleh pihak berkuasa ketika cuba masuk secara haram ke Sarawak melalui jalan tikus pada 21 Disember 2020.

Hasil siasatan mendapati kes mempunyai sejarah bekerja di Miri sejak enam (6) tahun yang lepas. Pada 12 Oktober 2020, kes telah membuat perjalanan pulang secara sah ke Makassar, Indonesia. Pada 20 Disember 2020, kes kembali secara haram ke Sarawak menggunakan jalan tikus dan kemudiannya ditangkap oleh pihak berkuasa Sarawak.

Kes telah menjalani saringan COVID-19 pada 22 Disember 2020 dan keputusan ujian mendapati kes adalah positif. Kes ini tidak mengalami sebarang tanda dan gejala dan telah dirujuk ke Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut.

Siasatan lanjut dan pengesanan kontak sedang giat dijalankan. Kes ini dikategorikan sebagai kes import-A iaitu mendapat jangkitan dari luar negara.

**iii. Daerah Kuching: Saringan Individu Balik dari Kawasan Berisiko Tinggi Jangkitan COVID-19 iaitu Sabah (2 kes Baharu Import-B)**

**Kes 1,093 dan 1,094** merupakan adik-beradik yang telah menjalani saringan COVID-19 sebagai individu yang baru balik dari kawasan berisiko tinggi jangkitan COVID-19 iaitu dari Sabah. Kedua-dua kes ini telah masuk ke Sarawak melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching pada 21 Disember 2020.

Kedua-dua kes ini telah diarahkan untuk menjalani kuarantin wajib di pusat kuarantin di Bandaraya Kuching. Kedua-dua kes telah menjalani saringan RTK Antigen pada 11 dan 19 Disember 2020 di Sabah sebelum masuk ke Sarawak. Keputusan bagi kedua ujian saringan tersebut adalah negatif.

Kedua-dua kes telah menjalani saringan COVID-19 pada 21 Disember 2020 dan keputusan ujian adalah positif . Kedua-dua kes ini tidak mengalami sebarang tanda dan gejala. Mereka telah dirujuk dan dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut. Pengesahan kontak kepada kes ini sedang giat dijalankan dan kes ini dikategorikan sebagai kes Import-B iaitu mendapat jangkitan semasa berada di kawasan berisiko tinggi jangkitan COVID-19.

## **B. Status Kes COVID-19 Di dalam Wad Pengasingan Hospital.**

Tiada kes baharu yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini. Jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj kekal **1,060** orang atau **96.89%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes yang masih mendapat rawatan dan diasingkan di hospital adalah seramai **15** orang iaitu:

- Sepuluh (10) kes di Hospital Umum Sarawak;
- Tiga (3) kes di Hospital Sibu; dan
- Dua (2) kes di Hospital Miri.

Hari ini, **enam (6) PUI** baru telah dilaporkan dan **tiada PUI** yang menunggu keputusan ujian makmal.

## **C. Ringkasan Kes Mengikut Daerah Di Sarawak.**

**Daerah Sibu dan Kuching** kekal **berstatus Kuning** dengan jumlah keseluruhan tiga (3) kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas iaitu Sibu (2) dan Kuching (1). Manakala, 38 buah daerah lain kekal **berstatus Hijau**.

## **2. KEPUTUSAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA**

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak telah membuat keputusan berikut:

### **A. Pengambilan Pekerja Asing**

Sehingga hari ini, kemasukan pekerja asing ke Sarawak adalah tidak dibenarkan. Dasar ini telah diteliti, maka Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak memutuskan untuk membenarkan pengambilan pekerja asing ke Sarawak mulai dari 1 Januari 2021.

Majikan yang hendak membawa pekerja asing masuk ke Sarawak haruslah membuat permohonan dan mematuhi tatacara kemasukan pekerja asing ke Sarawak yang akan dikemukakan oleh Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Sarawak (JIMS).

**Arahan ini berkuatkuasa bermula 1 Januari 2021.**

## **3. LAPORAN NOTIS KOMPAUN/AMARAN/SITAAN**

Pihak PDRM telah mengeluarkan **satu (1) kompaun** di Daerah Samarahan kerana telah melanggar SOP. Manakala Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak telah mengeluarkan **66 notis amaran lisan dan bertulis** di bawah PBT seliaan mereka iaitu MPP (20), SMC (18), MD Marudi (13), DBKU (8), MD Serian (3), MB Miri (3) dan MPKS (1).

### **3. TANGKAPAN SEMASA OP BENTENG**

Hari ini pihak PGA telah membuat pemeriksaan di kawasan Raso, Lundu dan mendapati dua (2) buah lori dan sebuah hilux telah membawa barang untuk diseludup ke Indonesia dengan menggunakan jalan yang tidak diwartakan. Seramai tiga (3) orang warga tempatan dan dua (2) orang warganegara Indonesia telah ditangkap dan sejumlah **RM 1,034,482** nilai anggaran barang telah dirampas. Kes tersebut telah diserahkan kepada IPD Lundu untuk tindakan selanjutnya.

### **4. NASIHAT KEPADA ORANG RAMAI**

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak ingin menasihatkan kepada orang ramai untuk sentiasa mengamalkan kebersihan diri yang tinggi serta memastikan SOP dipatuhi semasa musim perayaan ini.

**Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives  
Jaga Sarawak, Intu Sarawak**

**SEKRETARIAT**

**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**

**23 DISEMBER 2020**

**5.00 PETANG**

## MAKLUMAT TAMBAHAN

### 1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Previous Cases		1090	Total Cases still in ward		15	1.37%
New Cases		4	Cases in Intensive Care Unit (ICU)		0	0.00%
Total Samples by Individu		205,658	Intubated Cases		0	0.00%
Cumm. Positive Cases		1094	Total Death Cases		19	1.74%
IR per 100,000 population		35.46	Recovered and discharged cases		1,060	96.89%
Lab. Results (PUI)	New	Cummulative	Patient Under Investigation (PUI)		New	Cummulative
Negative	4	9,985			6	11,079
Pending Result	0	0				

Current Status		SGH Kuching	Hospital Sibu	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Sungai Buloh	TOTAL
Patients still in ward		10	3	0	2	0	15
Kes di Intensive Care Unit (ICU)		0	0	0	0	0	0
Intubated cases		0	0	0	0	0	0
Total Death Cases		17	0	0	2	0	19
Recovered and discharged cases	New	0	0	0	0	0	0
	Cummulative	882	43	50	79	2	1056
Total re-admission cases (Re-tested Positive)		9	9	3	1	0	22

DAERAH KUNING (2)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Sibu	0	132	0	26	0	23	0	0	3	7	2
2	Kuching	4	7,509	2	725	0	706	0	12	7	9	1
Jumlah		4	7641	2	751	0	729	0	12	10	16	3

Sumber: CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

DAERAH HIJAU (38)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Serian	0	336	0	27	0	27	0	0	0	0	0
2	Miri	1	914	1	60	0	57	0	1	2	2	0
3	Lawas	0	29	0	11	0	11	0	0	0	0	0
4	Lundu	0	262	0	7	0	7	0	0	0	0	0
5	Limbang	0	35	0	13	0	12	0	1	0	0	0
6	Samarahan	0	609	0	116	0	112	0	4	0	0	0
7	Bintulu	0	329	0	50	0	50	0	0	0	1	0
8	Lubok Antu	0	29	0	4	0	3	0	0	1	1	0
9	Bau	0	187	0	7	0	7	0	0	0	0	0
10	Simunjan	0	67	0	8	0	8	0	0	0	0	0
11	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0
12	Tebedu	1	9	1	4	0	3	0	0	1	1	0
13	Asajaya	0	44	0	5	0	5	0	0	0	0	0
14	Sri Aman	0	57	0	5	0	3	0	1	1	1	0
15	Betong	0	190	0	16	0	16	0	0	0	0	0
16	Mukah	0	48	0	1	0	1	0	0	0	0	0
17	Matu	0	6	0	1	0	1	0	0	0	0	0
18	Sarikei	0	93	0	6	0	6	0	0	0	0	0
19	Saratok	0	28	0	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Meradong	0	35	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Tatau	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
29	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Daro	0	7	0	1	0	1	0	0	0	0	0
31	Kapit	0	37	0	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Song	0	5	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Marudi	0	13	0	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
37	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
38	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>		<b>2</b>	<b>3,438</b>	<b>2</b>	<b>343</b>	<b>0</b>	<b>331</b>	<b>0</b>	<b>7</b>	<b>5</b>	<b>6</b>	<b>0</b>

<b>Jumlah Besar</b>	<b>6</b>	<b>11,079</b>	<b>4</b>	<b>1,094</b>	<b>0</b>	<b>1,060</b>	<b>0</b>	<b>19</b>	<b>15</b>	<b>22</b>	<b>3</b>
---------------------	----------	---------------	----------	--------------	----------	--------------	----------	-----------	-----------	-----------	----------

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

## 2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Hari ini, seramai **292 Person Under Surveillance (PUS)** telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **42 buah hotel dan SC Bukan Hotel** adalah seramai **4,013 orang**. Manakala seramai **43,141 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 23.12.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	<b>Kuching (2,358)</b>	Hock Lee	124
2		Grand Dormani	32
3		Kuching Park	144
4		Pullman	342
5		Hilton	234
6		Harbour View	252
7		Riverside (Astana Wing)	260
8		Grand Margherita	163
9		Imperial Boulevard	111
10		Tune Hotel	71
11		Dormani Hotel	40
12		Grand Continental	226
13		Meritin	25
14		Longhouse	87
15		Abell	59
16		Lot 10	57
17		Telang Usan	44
18		Imperial Riverbank	87
19	<b>Miri (994)</b>	Mega Hotel	145
20		Somerset	47
21		Imperial Palace	168
22		Eastwood Valley	70
23		Imperial New Wing	97
24		Paragon	48
25		Meritz	150
26		Miri	41
27		Dynasty	127
28		Kenyalang Suite	25
29		Citi Hotel	39
30		Nova	37
31	<b>Bintulu (302)</b>	Wasan Inn	27
32		Fairfield by Marriot	132
33		Kidurong Inn	54
34		Motel Kapok	57
35		Faber Inn	16
36		AA Inn	16
37	<b>Limbang (164)</b>	Purnama	38
38		Seri Malaysia (Lawas)	96
39		Mandarin (Lawas)	30
40	<b>Sibu (63)</b>	Premier	63
41	<b>Samarahan (132)</b>	INFRA	62
42		Kolej Rafflesia, UNIMAS	70
		<b>Jumlah PUS</b>	<b>4,013</b>

### **3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)**

Hari ini, sebanyak **dua (2) lokasi di Sibu (1) dan Miri (Miri)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **2,098 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 23.12.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>OPERASI SEMASA</b>	<b>OPERASI TERKUMPUL</b>
1	Kuching	TIADA	704
<b>2</b>	<b>Miri</b>	<b>1</b>	<b>429</b>
<b>3</b>	<b>Sibu</b>	<b>1</b>	<b>199</b>
4	Samarahan	TIADA	138
5	Bintulu	TIADA	121
6	Sarikei	TIADA	119
7	Limbang	TIADA	98
8	Serian	TIADA	70
9	Betong	TIADA	60
10	Sri Aman	TIADA	54
11	Kapit	TIADA	54
12	Mukah	TIADA	52
<b>Jumlah Keseluruhan</b>			<b>2,098</b>

#### **4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK**

Hari ini, sebanyak **36 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 23.12.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>LOKASI</b>
1	MP Padawan	3
2	MD Serian	3
3	MP Sibu	9
4	BDA	2
5	MCC	14
6	MD Marudi	5
<b>Jumlah</b>		<b>36</b>